



SOALAN LAZIM BERKAITAN POTONGAN CUKAI 2% TERHADAP PEMBAYARAN OLEH SYARIKAT PEMBAYAR KEPADA EJEN, PENGEDAR ATAU PENGAGIH DI BAWAH BAJET 2022

A. UMUM

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Apakah tanggungjawab syarikat di bawah seksyen 107D Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang baharu diperkenalkan?	Seksyen 107D ACP adalah peruntukan baharu yang diperkenalkan di bawah Bajet 2022 bagi mewajibkan syarikat untuk membuat potongan cukai 2% terhadap pembayaran tunai yang dibuat kepada ejen, pengedar atau pengagih (EPP). Potongan cukai 2% perlulah diremit kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dalam tempoh 30 hari selepas pembayaran dibuat.
2.	Siapakah syarikat yang dimaksudkan dalam peruntukan ini?	Dalam peruntukan ini, syarikat merujuk kepada seksyen 2 ACP yang bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuk kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.
3.	Apakah tujuan potongan cukai 2% ini diperkenalkan?	Potongan ini diperkenalkan berikutan langkah kerajaan dalam memastikan pematuhan pembayaran cukai di kalangan pembayar cukai yang melibatkan EPP.
4.	Bilakah potongan cukai 2% berkuatkuasa?	Potongan cukai 2% di bawah seksyen 107D ACP berkuatkuasa bermula 01/01/2022.
5.	Apakah jenis pembayaran kepada EPP yang tertakluk kepada potongan cukai 2%?	Semua jenis bayaran yang terbit hasil daripada jualan, transaksi atau skim yang dijalankan oleh EPP yang diberi kuasa oleh syarikat seperti komisen dan insentif dalam bentuk tunai .
6.	Adakah nota kredit termasuk dalam bentuk bayaran kepada EPP yang tertakluk kepada potongan cukai 2%?	Tidak. Nota kredit, kontra dan diskaun tidak tertakluk kepada potongan cukai di bawah seksyen 107D ACP.

B. MAKSUD EJEN, PENGEDAR ATAU PENGAGIH

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Siapakah yang dimaksudkan dengan EPP bagi tujuan peruntukan ini?	EPP adalah merupakan seorang individu pemastautin yang diberi kuasa oleh syarikat pembayar untuk bertindak sebagai EPP dan menerima bayaran yang terbit daripada hasil jualan, transaksi atau skim yang dijalankan oleh EPP tersebut.

2.	Adakah pengusaha milikan tunggal termasuk di dalam kategori individu di bawah peruntukan ini?	Ya. Pengusaha milikan tunggal (<i>sole proprietor</i>) adalah termasuk sebagai individu yang dimaksudkan.
3.	Adakah ahli kongsi yang merupakan individu dalam perkongsian termasuk di dalam kategori individu di bawah peruntukan ini?	Ya. Jika pembayaran dibuat kepada ahli kongsi individu maka ia tertakluk di bawah peruntukan ini. Walaupun bagaimanapun jika bayaran dibuat kepada sebuah perkongsian maka ia adalah tidak tertakluk di bawah peruntukan ini.
4.	Adakah Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT), syarikat persendirian pemastautin (Sdn Bhd) dan Persatuan termasuk di dalam kategori individu di bawah peruntukan ini?	Tidak.

C. NILAI AMBANG BAGI POTONGAN CUKAI 2%

Bil.	Soalan	Maklum Balas												
1.	Apakah syarat yang membolehkan seorang EPP itu dikenakan potongan cukai 2% ini?	Potongan cukai 2% dikenakan dalam tahun semasa kepada EPP yang menerima bayaran daripada syarikat pembayar yang bersamaan atau melebihi nilai ambang dalam tahun sebelumnya.												
2.	Berapakah nilai ambang yang menyebabkan ianya tertakluk kepada potongan cukai 2% ini?	Nilai ambang adalah ditetapkan pada amaun RM100,000 meliputi jumlah bayaran tunai dan bukan tunai yang diterima dalam tahun sebelumnya.												
3.	Adakah penentuan nilai ambang merujuk kepada bayaran yang diterima daripada satu syarikat pembayar sahaja atau beberapa syarikat pembayar?	Penentuan nilai ambang merujuk kepada bayaran yang diterima daripada satu syarikat pembayar sahaja. Contoh: Ejen A menerima komisen tunai dan bukan tunai daripada 3 buah syarikat pembayar seperti berikut: <table border="1" data-bbox="639 1621 1406 1928"> <thead> <tr> <th>Syarikat pembayar</th> <th>Penerimaan tunai & bukan tunai dalam CP 58 tahun 2021</th> <th>Tertakluk Seksyen 107D</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>B</td> <td>RM 150,000</td> <td>Ya</td> </tr> <tr> <td>C</td> <td>RM 80,000</td> <td>Tidak</td> </tr> <tr> <td>D</td> <td>RM101,000</td> <td>Ya</td> </tr> </tbody> </table>	Syarikat pembayar	Penerimaan tunai & bukan tunai dalam CP 58 tahun 2021	Tertakluk Seksyen 107D	B	RM 150,000	Ya	C	RM 80,000	Tidak	D	RM101,000	Ya
Syarikat pembayar	Penerimaan tunai & bukan tunai dalam CP 58 tahun 2021	Tertakluk Seksyen 107D												
B	RM 150,000	Ya												
C	RM 80,000	Tidak												
D	RM101,000	Ya												

4.	Adakah nilai ambang ini perlu ditentukan oleh syarikat pembayar pada setiap tahun atau secara 'one-off'?	<p>Nilai ambang hendaklah ditentukan pada setiap tahun oleh syarikat pembayar sama ada EPP tertakluk kepada potongan cukai 2% ke atas bayaran yang akan dibuat pada tahun semasa.</p> <p>Contoh :</p> <p>Ejen A menerima komisen (tunai dan bukan tunai) berjumlah RM 90,000 dalam tahun 2021.</p> <p>Layanan cukai :</p> <p>Komisen yang diterima oleh Ejen A dalam tahun 2022 tidak tertakluk kepada potongan cukai 2% kerana komisen yang diterima pada tahun sebelumnya iaitu tahun 2021 tidak melebihi nilai ambang RM100,000.</p> <p>Sekiranya komisen yang diterima oleh Ejen A dalam tahun 2022 telah mencapai RM100,000 maka komisen yang diterima dalam tahun 2023 akan tertakluk kepada potongan cukai 2%.</p>
5.	Sekiranya EPP bukanlah seorang pemastautin pada tahun 2021 tetapi menjadi pemastautin dalam tahun 2022. Adakah EPP tertakluk potongan cukai 2% dalam tahun 2022.	<p>Ya. EPP tertakluk kepada potongan cukai 2% dalam tahun 2022 sekiranya jumlah bayaran yang diterima dalam tahun 2021 bersamaan atau melebihi nilai ambang.</p> <p>Penentuan nilai ambang tidak mengambilkira status pemastautin seorang EPP.</p>

D. BAYARAN DAN PELAPORAN OLEH SYARIKAT PEMBAYAR

Bil.	Soalan	Maklum Balas												
1.	Bilakah potongan cukai 2% perlu dibayar kepada LHDNM?	<p>Amaun potongan cukai 2% berkenaan hendaklah diremitkan kepada LHDNM dalam tempoh 30 hari selepas pembayaran dibuat kepada EPP.</p> <p>Contoh:</p> <table border="1" data-bbox="644 1391 1426 1659"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Tarikh Bayaran</th> <th>Tempoh Peremitan (30 hari)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>15/04/2022</td> <td>16/04/2022 - 15/05/2022</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>28/04/2022</td> <td>29/04/2022 - 28/05/2022</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>01/05/2022</td> <td>02/05/2022 - 31/05/2022</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Tarikh Bayaran	Tempoh Peremitan (30 hari)	1.	15/04/2022	16/04/2022 - 15/05/2022	2.	28/04/2022	29/04/2022 - 28/05/2022	3.	01/05/2022	02/05/2022 - 31/05/2022
Bil.	Tarikh Bayaran	Tempoh Peremitan (30 hari)												
1.	15/04/2022	16/04/2022 - 15/05/2022												
2.	28/04/2022	29/04/2022 - 28/05/2022												
3.	01/05/2022	02/05/2022 - 31/05/2022												
2.	Bagaimana cara bayaran dilakukan?	<p>Bayaran boleh dibuat melalui pos atau di Kaunter Perkhidmatan sebagaimana berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kaunter Pusat Bayaran Kuala Lumpur, • Kaunter Pusat Bayaran Kuching • Kaunter Pusat Bayaran Kota Kinabalu 												
3.	Apakah mekanisme dan borang yang perlu digunakan untuk meremitkan bayaran potongan cukai 2% ini?	<p>Syarikat perlu membuat pengisytiharan menggunakan borang CP107D yang disediakan di Laman Rasmi LHDNM.</p>												

4.	Adakah EPP perlu mempunyai nombor cukai pendapatan?	Ya. EPP yang masih belum mempunyai nombor cukai pendapatan, boleh membuat pendaftaran secara dalam talian melalui e-Daftar. Link: e-Daftar
5.	Adakah syarikat pembayar perlu mengisi satu borang bagi setiap penerima?	Ya. Sekiranya EPP melebihi seorang, syarikat pembayar perlu melengkapkan maklumat dalam CP107D bersama Lampiran CP107D(1).(Setiap lampiran adalah terhad kepada 20 penerima)
6.	Adakah resit rasmi akan dikeluarkan oleh LHDNM bagi amaun potongan cukai 2% yang telah diremitkan?	Ya. Resit rasmi akan dikeluarkan sekiranya bayaran dilaksanakan di Kaunter Pusat Bayaran.
7.	Adakah syarikat pembayar perlu melaporkan amaun potongan cukai 2% ini di dalam Borang CP 58?	Ya. Borang CP 58 telah dipinda bagi membolehkan amaun potongan cukai 2% dilaporkan.
8.	Bagaimanakah potongan cukai 2% yang telah diremitkan oleh syarikat pembayar diambilkira dalam pengiraan cukai tahunan EPP?	Potongan cukai 2% dianggap sebagai sebahagian daripada bayaran kepada Cukai Kena Dibayar semasa pengemukaan borang nyata (Borang BE / B / BT) bagi tahun taksiran yang berkenaan oleh EPP.
9.	Sekiranya EPP telah tertakluk kepada CP500, adakah potongan cukai 2% ini masih terpakai?	Ya. CP500 adalah tanggungjawab EPP ke atas cukai EPP. Manakala potongan cukai 2% adalah di bawah tanggungjawab syarikat pembayar ke atas penerima bayaran.
10.	Sekiranya EPP layak menerima bayaran komisen bagi bulan Disember 2021 tetapi komisen hanya dibayar pada Januari 2022, adakah potongan cukai 2% cukai perlu dibuat?	Komisen yang dibayar pada Januari 2022 akan dilaporkan di dalam Penyata Bayaran (CP 58) kepada EPP untuk tahun taksiran 2022. Oleh itu, potongan cukai 2% dalam tahun 2022 perlu dibuat jika jumlah bayaran dalam tahun 2021 kepada EPP adalah melebihi nilai ambang.

E. PENANGGUHAN PEREMITAN BAYARAN POTONGAN CUKAI 2% KEPADA SYARIKAT PEMBAYAR

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah tempoh penangguhan peremitan boleh diberikan	Ya. Tempoh penangguhan peremitan bayaran potongan 2% dibenarkan bagi 1 Januari sehingga 31 Mac 2022. Link: Kenyataan Media

	bagi potongan cukai 2% kepada LHDNM?																	
2.	Adakah tempoh penangguhan ini diberikan secara automatik kepada semua syarikat pembayar?	Ya. Tempoh penangguhan ini diberikan secara automatik kepada semua syarikat pembayar.																
3.	Adakah dengan penangguhan ini bermakna syarikat pembayar dibenarkan untuk meremit potongan cukai 2% dalam tempoh 30 hari dari 01/04/2022 bagi bayaran yang dibuat kepada EPP dalam tempoh Januari 2022 hingga Mac 2022?	<p>Bagi pembayaran kepada EPP yang dibuat pada 01/01/2022 sehingga 02/03/2022, syarikat pembayar dibenarkan untuk meremitkan bayaran kepada LHDNM pada 01/04/2022.</p> <p>Manakala bagi pembayaran pada 03/03/2022 dan seterusnya syarikat pembayar perlu meremitkan bayaran ke LHDNM dalam tempoh 30 hari daripada tarikh pembayaran kepada EPP.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Tarikh Bayaran</th> <th>Tempoh Peremitan (30 hari)</th> <th>Tarikh Akhir Peremitan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>06/01/2022</td> <td>07/01/2022 - 05/02/2022</td> <td>01/04/2022</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>14/02/2022</td> <td>15/02/2022 - 16/03/2022</td> <td>01/04/2022</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>23/03/2022</td> <td>24/03/2022 - 22/04/2022</td> <td>22/04/2022</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Tarikh Bayaran	Tempoh Peremitan (30 hari)	Tarikh Akhir Peremitan	1.	06/01/2022	07/01/2022 - 05/02/2022	01/04/2022	2.	14/02/2022	15/02/2022 - 16/03/2022	01/04/2022	3.	23/03/2022	24/03/2022 - 22/04/2022	22/04/2022
Bil.	Tarikh Bayaran	Tempoh Peremitan (30 hari)	Tarikh Akhir Peremitan															
1.	06/01/2022	07/01/2022 - 05/02/2022	01/04/2022															
2.	14/02/2022	15/02/2022 - 16/03/2022	01/04/2022															
3.	23/03/2022	24/03/2022 - 22/04/2022	22/04/2022															
4.	Adakah syarikat pembayar akan dikenakan penalti/kenaikan jika gagal meremitkan potongan cukai 2% kepada LHDNM?	<p>Ya. Kenaikan sebanyak 10% akan dikenakan jika syarikat pembayar gagal meremitkan potongan cukai 2% dalam tempoh yang ditetapkan.</p> <p>Dalam masa yang sama kegagalan ini menyebabkan syarikat pembayar tidak dibenarkan untuk menuntut potongan cukai 2% tersebut sebagai suatu perbelanjaan yang dibenarkan di bawah perenggan 39(1)(s) ACP.</p>																